



LAPORAN

HARI AUDIT 1 MALAYSIA

&

PERSIDANGAN JURUAUDIT

SEKTOR AWAM

2015



HARI AUDIT 1 MALAYSIA  
2015

"Pemantapan  
Profesionalisme  
Menjamin Audit Berkualiti"

Dirasmakan pada 30 November 2015

Y.A.B. DATO' SERI DIRAJA IBL. HANIFFAH ABU DANOR  
MENTERI BESAR UTARA MALAYSIA

30 November 2015



## ISI KANDUNGAN

<b><u>PERKARA</u></b>	<b><u>MUKA SURAT</u></b>
<b>1.0 PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
<b>2.0 SAMBUTAN HARI AUDIT 1MALAYSIA 2015</b>	
<b>2.1 Ucapan Aluan Ketua Audit Negara</b>	<b>2-4</b>
<b>2.2 Ucaptama Dan Perasmian Menteri Besar Perak Darul Ridzuan</b>	<b>4-6</b>
<b>2.3 Pelancaran Panduan/ <i>Hand Book</i> Pengauditan</b>	<b>7</b>
<b>2.4 Penyampaian Sijil Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Tahun 2014</b>	<b>7-12</b>
<b>3.0 PERSIDANGAN JURUAUDIT SEKTOR AWAM 2015</b>	
<b>3.1 Ucapan Aluan Ketua Audit Negara</b>	<b>13</b>
<b>3.2 Tajuk 1: Pembangunan Petunjuk Prestasi Utama Penjawat Awam</b>	<b>14-15</b>
<b>3.3 Tajuk 2: Pembangunan Petunjuk Prestasi Utama, Isu Dan Cabaran</b>	<b>15-16</b>
<b>3.4 Tajuk 3: Pelaksanaan eAudit</b>	<b>17-18</b>
<b>3.5 Tajuk 4: Program Pembelajaran ISSAIs Secara Elektronik</b>	<b>18-19</b>
<b>3.6 Tajuk 5: Reviu Kertas Kerja Firma Audit Swasta</b>	<b>20-21</b>
<b>3.7 Tajuk 6: Standard Pengauditan Juruaudit Dalaman</b>	<b>22-23</b>
<b>3.8 Kecemerlangan Kepimpinan Nilai &amp; Etika Dalam Tugas</b>	<b>24-25</b>
<b>3.9 Penutup Dan Rumusan Oleh Timbalan Ketua Audit Negara (Negeri)</b>	<b>25-31</b>



**PERKARA**

**MUKA SURAT**

<b>3.10 Maklum balas Penilaian Persidangan Juruaudit Sektor Awam Tahun 2015</b>	<b>31-33</b>
<b>4.0 KURSUS BERSKALA BESAR</b>	<b>34</b>
<b>5.0 PROGRAM KEMASYARAKATAN</b>	<b>35</b>
<b>LAMPIRAN A</b>	
<b>GAMBAR-GAMBAR DI SEKITAR ACARA YANG DIADAKAN</b>	
<b>i. Hari Audit 1Malaysia &amp; Persidangan Juruaudit Sektor Awam</b>	<b>36</b>
<b>ii. Kursus Berskala Besar</b>	<b>37</b>
<b>iii. Program Kemasyarakatan</b>	<b>38</b>
<b>LAMPIRAN B</b>	
<b>SLAID-SLAID PEMBENTANGAN</b>	



## 1.0 PENDAHULUAN

Sambutan Hari Audit 1Malaysia telah diadakan bermula 28 November hingga 2 Disember 2015. Sempena meraikan Hari Audit 1Malaysia, Jabatan Audit Negara telah merancang dan mengatur beberapa program berbentuk penerapan ilmu dan menanam sifat-sifat murni serta aktiviti sumbangan sosial Jabatan iaitu Ceramah Eksekutif pada 28 November 2015 dan Program Kemasyarakatan Jabatan Audit Negara pada 29 November 2015. Acara kemuncak Jabatan Audit Negara ialah melalui sambutan Hari Audit 1Malaysia Dan Persidangan Juruaudit Sektor Awam. Majlis tersebut merupakan acara tahunan yang disambut oleh Jabatan Audit Negara bertujuan meningkatkan kesedaran awam berhubung kepentingan peranan dan fungsi Jabatan Audit Negara dalam memperkukuhkan akauntabiliti dan integriti pengurusan serta tadbir urus wang awam. Sambutan ini juga diadakan bertujuan mengiktiraf usaha dan komitmen Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan di peringkat negeri yang berjaya mendapat pengiktirafan empat bintang bagi pengurusan kewangan tahun 2014. Tema yang dipilih iaitu “Pemantapan Profesionalisme Menjamin Audit Berkualiti” adalah seiring dengan peranan yang seharusnya dimainkan oleh setiap juruaudit iaitu memantapkan profesionalisme dalam melaksanakan kerja pengauditan di persekitaran yang serba mencabar serta peningkatan ekspektasi *stakeholders* dan orang awam.

Program Persidangan Juruaudit Sektor Awam yang diadakan pada sebelah petang dan hari seterusnya merupakan platform kepada juruaudit sektor awam untuk bertukar dan berkongsi maklumat, pengetahuan dan pengalaman berkaitan perkembangan pengauditan sektor awam dan isu-isu semasa yang berkaitan. Majlis Hari Audit 1Malaysia Dan Persidangan Juruaudit Sektor Awam telah diadakan di dua tempat berbeza iaitu hari pertama, 30 November 2015 di Dewan Konvesyen Aman Jaya, Casuarina@Meru dan hari kedua, 1 Disember 2015 di Dewan Grand Valley Ballroom, Hotel Kinta Riverfront & Suites, Ipoh, Perak. Seramai 1000 jemputan telah hadir semasa sambutan Hari Audit 1Malaysia terdiri daripada tetamu kehormat Kerajaan Perak Darul Ridzuan, penerima anugerah sijil kecemerlangan pengurusan kewangan, tetamu jemputan serta warga Jabatan Audit Negara. Majlis dirasmikan oleh Y.A.B. Dato’ Seri Diraja Dr. Zambry Abd. Kadir, Menteri Besar Perak Darul Ridzuan.



## 2.0 SAMBUTAN HARI AUDIT 1MALAYSIA 2015

### 2.1 Ucapan Aluan Ketua Audit Negara



Sambutan Hari Audit 1Malaysia Tahun 2015 dimulakan dengan ucapan aluan daripada YBhg. Tan Sri Ketua Audit Negara. YBhg. Tan Sri memaklumkan kepada hadirin bahawa Hari Audit 1Malaysia adalah satu acara tahunan yang penting kepada semua juruaudit sektor awam sama ada yang bertugas di Jabatan Audit Negara ataupun Bahagian/Unit Audit Dalam di kementerian, jabatan dan agensi. Ia merupakan perhimpunan untuk membaharui dekad dalam semangat sehati sejiwa, menginsafi peranan juruaudit membetulkan yang biasa dan membiasakan yang betul dalam perkhidmatan awam. Majlis turut diberi pengiktirafan dan diserikan dengan kehadiran YAB Menteri Besar Perak Darul Ridzuan, Dato' Seri DiRaja Dr. Zambry Abd Kadir dan disertai juga dengan kehadiran Ketua-ketua Jabatan dan Agensi negeri di seluruh negara.

Seterusnya, YBhg. Tan Sri memaklumkan bahawa pemukiman warga Audit di Ipoh, Perak, bukan sahaja untuk meraikan jabatan atau agensi negeri yang meraih 4 bintang dalam pengurusan kewangan, tetapi turut juga sebagai wadah memperkasakan Jabatan Audit Negara dan Bahagian/Unit Audit Dalam menerusi pertukaran maklumat dan perkongsian ilmu pada program Persidangan Juruaudit Sektor Awam. Tambah YBhg. Tan Sri lagi, selain daripada Program Kemasyarakatan yang dapat mendekatkan diri kepada masyarakat luar, sambutan Hari Audit juga merupakan wadah untuk bermuhasabah dan memikirkan langkah-



langkah yang boleh dilaksanakan bagi memantapkan lagi prestasi penjawat awam dalam pengurusan kewangan, aktiviti, program dan projek-projek Kerajaan serta tadbir urus syarikat termasuk anak syarikat Kerajaan. Menurut beliau lagi rakyat ingin melihat sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan sentiasa cekap dan berkesan agar tiada lagi kes-kes kecuaihan, pemborosan, pembaziran dan ketirisan yang kerap dilaporkan di dalam Laporan Ketua Audit Negara. Untuk menangani masalah ini, fungsi juruaudit amat penting dalam menghasilkan laporan yang berkesan dan memberi impak serta memberikan syor-syor yang baik dan praktikal. Adalah lebih penting lagi pihak yang diaudit untuk menyedari dan menginsafi kelemahan dan kekurangan dengan mengambil langkah pencegahan korektif dan punitif demi imej perkhidmatan awam yang cekap, akauntabiliti dan integriti.

Menurut YBhg. Tan Sri, perbelanjaan yang berhemat dan cermat membolehkan Kerajaan membawa lebih kemajuan dan pembangunan kepada rakyat. Untuk itu, penjawat awam hendaklah sentiasa mengambil iktibar daripada kes-kes yang didedahkan oleh juruaudit dan sentiasa berusaha mengamalkan amalan terbaik dalam menguruskan hal-hal kewangan dari segi kutipan hasil, pematuhan kepada peraturan kewangan dan berusaha menguruskan projek-projek/program Kerajaan dengan cemerlang. Sikap yang membawa kepada keborosan dan keirisan hendaklah sentiasa diawasi dan dikawal.

YBhg. Tan Sri memaklumkan bahawa negara telah berjaya mewujudkan satu sistem akauntabiliti pengurusan wang awam yang amat telus yang mana semua *stakeholders* atau rakyat sendiri dapat memantau dan menilai sejauh mana Kerajaan dan perkhidmatan awam serius menangani segala isu yang dibangkitkan dalam laporan audit. Proses pengauditan, pelaporan, pemantauan terhadap tindakan kognitif dan punitif serta pelaksanaan inisiatif-inisiatif di bawah Program Transformasi Kerajaan contohnya *AG's Dash Board*, Jawatankuasa Tindakan Laporan Ketua Audit Negara, penarafan Indeks Akauntabiliti sebagai KPI ketua jabatan dan Sesi *Town Hall* ketua-ketua Jabatan dengan media sebaik sahaja pembentangan laporan audit di Dewan Rakyat merupakan suatu sistem unik yang tidak diamalkan di negara lain. Dengan adanya usaha-usaha yang konsisten oleh pemimpin-pemimpin perkhidmatan awam dan Ketua-ketua Jabatan serta Agensi, YBhg. Tan Sri berasa yakin akan kurangnya teguran-teguran audit, akan lebih cekapnya agensi dalam merancang dan melaksanakan aktiviti-aktiviti dan berkuranglah kes-kes ketirisan serta pembaziran.

YBhg. Tan Sri mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua Jabatan dan Agensi Kerajaan yang telah menguruskan kewangan mereka dengan cemerlang dan diberi pengiktirafan sempena Hari Audit 1Malaysia hari ini. Harapan YBhg. Tan Sri semoga kecemerlangan ini dapat dikekalkan selaras dengan tanggungjawab yang diamanahkan. Akhirnya, YBhg Tan Sri sekali lagi mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada YAB Dato' Seri DiRaja Menteri Besar Perak Darul Ridzuan di atas kesudian beliau hadir dan merasmikan sambutan Hari Audit 1Malaysia.

## 2.2 Ucaptama Dan Perasmian Menteri Besar Perak Darul Ridzuan



Dalam ucapan perasmiannya, YAB Dato' Seri DiRaja Dr. Zambry Abd Kadir, Menteri Besar Perak Darul Ridzuan mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Audit Negara (JAN) kerana seramai 500 orang juruaudit sudi berkampung di Negeri Perak selama 5 hari dan melaksanakan program kemasyarakatan di Kampung Bawong. Beliau juga mengucapkan tahniah kepada JAN Negeri Perak yang dipilih menjadi tuan rumah dan berharap segala program dirancang dapat dilaksanakan dengan jayanya serta memohon maaf seandainya terdapat perkara yang tidak dapat dielakkan semasa keberadaan warga JAN di Perak. Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan merasa bangga akan kehadiran warga JAN ini.

YAB Menteri Besar Perak seterusnya menyatakan, JAN memainkan peranan yang cukup penting sama ada kepada sesebuah organisasi, syarikat atau negara iaitu sebagai mekanisme kawalan. Sekiranya tiada kawalan yang ditetapkan, maka pihak-pihak tertentu akan melaksanakan peranan atau tanggungjawab mengikut fahaman masing-masing yang tidak betul. Dengan itu mudah terdedah kepada penyelewengan dan pemborosan. Dengan adanya sistem audit iaitu sistem kawalan yang betul maka ia akan membentuk sebuah masyarakat yang baik seiring dengan



ajaran agama Islam. Tambah beliau lagi, tugas audit pada ketika ini lebih mencabar jika dibandingkan dengan zaman dahulu kerana tugas audit bukan sahaja menyemak dan membetulkan, malah menambahbaik sistem yang ada pada hari ini. Akibat daripada perkembangan negara pada hari ini dan sistem yang semakin canggih dan isu yang semakin kompleks menjadikan tugas audit semakin mencabar sehingga wujudnya tugas-tugas baru dalam pengauditan. Yang dimaksudkan ialah bidang auditan forensik yang tidak pernah didengari sebelum-sebelum ini. Ini kerana penipuan bukan sahaja di atas kertas tetapi berlaku di alam maya.

YAB Menteri Besar Perak juga menggambarkan kesan buruk akibat daripada skandal manipulasi yang dibuat oleh mereka yang pandai atau mahir dalam perakaunan dan kewangan. Banyak syarikat-syarikat besar yang runtuh akibat daripada tindakan sedemikian seperti yang berlaku contohnya kes Satyam, Enron, World Com dan lain-lain yang berkaitan. Berdasarkan kes-kes yang disebut tadi, beliau menganggap peranan audit adalah amat penting termasuklah memberi nasihat kepada Kerajaan Negeri Perak sendiri. Teguran dan nasihat daripada Ketua Audit Negara adalah perlu dalam membetulkan kesilapan-kesilapan yang tidak disedari atau terlepas pandang. Teguran Ketua Audit Negara dapat memberi perspektif baru dengan menambahbaik kecekapan dalam pengurusan pentadbiran, aset dan harta Kerajaan Negeri. Menteri Besar Perak Darul Ridzuan juga mengucapkan terima kasih kepada Ketua Audit Negara dan JAN Negeri Perak atas *engagement* yang aktif dengan Kerajaan Negeri Perak ini.

YAB Dato' Seri DiRaja Dr. Zambry Abd Kadir juga menyifatkan JAN bukanlah jabatan yang perlu ditakuti kerana mereka membantu mewujudkan kesedaran di kalangan pemegang amanah dalam membetulkan kepincangan yang berlaku. Pendekatan Penarafan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti yang dianggap memberi peluang kepada agensi untuk belajar dan mendidik iaitu daripada tahap memuaskan kepada mencapai tahap baik. Beliau secara keseluruhan berpuas hati dengan penarafan indeks akauntabiliti ini, namun terdapat beberapa isu yang perlu dilihat bersama-sama iaitu pertamanya, tentang persepsi terhadap JAN. Jabatan harus dilihat sebagai perspektif yang bersifat positif bukan negatif. Pada hari ini JAN memberi penarafan kepada mereka yang layak. Ini merupakan paradigma JAN kepada agensi-agensi. Isu yang keduanya, ialah tentang persoalan *bias*. Menurut beliau wujud tafsiran yang mengatakan bahawa JAN suka menjalankan pengauditan pada satu-satu jabatan sahaja. Tafsiran sebegini harus dielakkan oleh mana-mana jabatan yang terlibat. Isu ketiga adalah menghadapi





masalah jabatan yang degil. Jabatan yang tidak menerima teguran daripada JAN. Dalam keadaan ini, tambah YAB Dato' Seri DiRaja, sedikit *punishment* mungkin diperlukan kepada mereka yang berdegil. Isu keempat adalah manipulasi Laporan Ketua Audit Negara. Suasana seperti ini sentiasa akan dihadapi dalam sistem Kerajaan. Walau bagaimanapun JAN harus terus mengeluarkan laporan kerana masih terdapat kelemahan yang perlu diperbaiki dan bagi mengelakkan sikap kognitif *bias*. Isu yang kelima adalah masalah antara memenuhi keperluan audit dan keperluan pelanggan. Contohnya adalah membuat bayaran kepada vendor tetapi pelaksanaan kerja belum sempurna. Perkara seperti ini perlu diselesaikan dan perlu pandangan daripada JAN. Isu keenam adalah kerja-kerja yang sengaja dilewatkan dengan niat untuk mendapatkan Arahan Perubahan Kerja dan kerja-kerja yang diberi kepada kontraktor yang tidak layak. Akibatnya projek akan mengambil masa yang panjang untuk disiapkan. Harapan beliau adalah untuk sama-sama melihat permasalahan dengan melakukan pembetulan demi kebaikan semua.

Di akhir ucapan, YAB Menteri Besar Perak Darul Ridzuan sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada YBhg. Tan Sri Ketua Audit Negara atas tugas-tugas yang dilaksanakan, pencapaian yang telah dikecapi dan anugerah-anugerah yang telah diberikan kepada Negeri Perak ini serta mendoakan Jabatan Audit Negara mencapai pengiktirafan di peringkat dunia dan menunjukkan kita sebagai sebuah negara maju yang mencapai tahap pengurusan terbaik dunia.

### 2.3 Pelancaran Panduan/ *Hand Book* Pengauditan

Pada sesi Pelancaran Panduan/*Hand Book* Pengauditan, Y.A.B. Dato' Seri DiRaja Dr. Zambry Abd. Kadir, Menteri Besar Perak Ridzuan telah merasmikan *Handbook* Pengauditan Air Dan Alam Sekitar, Edisi Pertama Tahun 2015. *Handbook* yang dihasilkan oleh Pasukan Rujukan Air Dan Alam Sekitar ini dikeluarkan bertujuan menambah baik teknik pengauditan dengan penggunaan teknologi *remote sensing* dan GIS, sumbangan artikel, garis panduan serta memberi latihan secara khusus kepada juruaudit Jabatan Audit Negara dalam berkongsi pengetahuan, pengalaman, kemahiran serta kepakaran dalam bidang tersebut.



### 2.4 Penyampaian Sijil Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Tahun 2014

Pada majlis Penyampaian Sijil Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Tahun 2014 ini, sebanyak 114 Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan di peringkat negeri telah berjaya memperoleh penarafan empat bintang dalam aspek pengurusan kewangan. Senarai lengkap penerima Sijil Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan adalah seperti berikut:



Bil.	KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI
<b>NEGERI PERAK</b>	
1	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak
2	Jabatan Kehakiman Syariah Perak
3	Majlis Perbandaran Taiping
4	Majlis Daerah Batu Gajah
5	Lembaga Air Perak
6	Pejabat Daerah Dan Tanah Kerian
7	Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Perak
8	Pejabat Daerah Dan Tanah Kinta
9	Majlis Sukan Negeri Perak
10	Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Perak
11	Pejabat Daerah Dan Tanah Kampung Gajah
12	Majlis Daerah Selama
13	Majlis Daerah Pengkalan Hulu
<b>NEGERI JOHOR</b>	
14	Pejabat Daerah Kota Tinggi
15	Majlis Perbandaran Pasir Gudang
16	Majlis Perbandaran Batu Pahat
17	Pejabat Daerah Johor Bahru
18	Pejabat Tanah Ledang
19	Pejabat Daerah Mersing
20	Majlis Daerah Pontian
21	Pejabat Tanah Daerah Kluang
22	Pejabat Tanah Muar
23	Pejabat Daerah Kulai
24	Perbadanan Islam Johor



<b>KEDAH</b>	
25	Pejabat Daerah Kubang Pasu
26	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman
27	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Kedah Darul Aman
28	Perbadanan Stadium-Stadium Negeri Kedah Darul Aman
29	Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan
<b>KELANTAN</b>	
30	Majlis Daerah Ketereh Perbandaran Islam
31	Yayasan Kelantan Darulnaim (YAKIN)
32	Majlis Sukan Negeri Kelantan
33	Majlis Daerah Dabong
34	Yayasan Islam Kelantan
35	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
36	Perbadanan Menteri Besar Kelantan
<b>MELAKA</b>	
37	Jabatan Mufti Negeri Melaka
38	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka
39	Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah
40	Pejabat Daerah Dan Tanah Alor Gajah
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	
41	Pejabat Daerah Dan Tanah Tampin
42	Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Pilah
43	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan
44	Jabatan Kerja Raya Negeri Sembilan
45	Pejabat Daerah Dan Tanah Jempol





<b>PAHANG</b>	
46	Pejabat Daerah Dan Tanah Maran
47	Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang
48	Jabatan Mufti Negeri Pahang
49	Pejabat Daerah Dan Tanah Bentong
50	Perbadanan Stadium Darul Makmur
51	Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser
<b>PERLIS</b>	
52	Pejabat Perbendaharaan Negeri Perlis
53	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis
<b>PULAU PINANG</b>	
54	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang
55	Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau Pinang
56	Pejabat Daerah Dan Tanah Seberang Perai Selatan
57	Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang
<b>SABAH</b>	
58	Pejabat Perhubungan Negeri Sabah, Kuala Lumpur
59	Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah
60	Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah (SEDCO)
61	Jabatan Cetak Kerajaan Sabah
62	Majlis Daerah Ranau
63	Korporasi Pembangunan Desa
64	Jabatan Bendahari Negeri Sabah
65	Lembaga Industri Getah Sabah
66	Unit Perancang Ekonomi Negeri Sabah
67	Jabatan Perikanan Sabah



68	Majlis Perbandaran Sandakan
69	Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah
70	Majlis Daerah Kinabatangan
71	Pejabat Daerah Beluran
72	Lembaga Pelabuhan-pelabuhan Sabah
73	Lembaga Kemajuan Perhutanan Negeri Sabah
74	Jabatan Pelabuhan Dan Dermaga Sabah
75	Institut Latihan Sektor Awam Negeri Sabah (INSAN)
76	Dewan Bandaraya Kota Kinabalu
77	Korporasi Kemajuan Perikanan Dan Nelayan Sabah (KO-NELAYAN)
78	Majlis Daerah Semporna
79	Lembaga Bandaran Kudat
80	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah
81	Pejabat Daerah Keningau
<b>SARAWAK</b>	
82	Lembaga Pelabuhan Kuching
83	Kementerian Kemajuan Tanah Sarawak
84	Jabatan Ketua Menteri Sarawak
85	Jabatan Tanah Dan Survei Sarawak
86	Dewan Bandaraya Kuching Utara
87	Majlis Bandaraya Kuching Selatan
88	Pusat Kepelbagaian Biologi Sarawak
89	Lembaga Penyatuan Dan Pemulihan Tanah Sarawak
90	Kementerian Pembangunan Infrastruktur Dan Perhubungan Sarawak
91	Kementerian Pemodenan Pertanian Sarawak
92	Majlis Bandaraya Miri



93	Kementerian Pelancongan Sarawak
94	Majlis Perbandaran Sibu
95	Pejabat Residen Bahagian Bintulu
96	Majlis Daerah Marudi
97	Pejabat Residen Bahagian Mukah
<b>SELANGOR</b>	
98	Majlis Perbandaran Ampang Jaya
99	Majlis Agama Islam Selangor
100	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
101	Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan Negeri Selangor
102	Majlis Perbandaran Selayang
103	Majlis Perbandaran Kajang
104	Majlis Perbandaran Subang Jaya
105	Jabatan Kehakiman Syariah Selangor
<b>TERENGGANU</b>	
106	Pejabat Tanah Kemaman
107	Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Terengganu
108	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu
109	Majlis Sukan Negeri Terengganu
110	Pejabat Perbendaharaan Negeri Terengganu
111	Lembaga Muzium Negeri Terengganu
112	Yayasan Islam Terengganu
113	Pejabat Tanah Setiu
114	Majlis Daerah Marang



### 3.0 PERSIDANGAN JURUAUDIT SEKTOR AWAM 2015

#### 3.1 Ucapan Aluan Ketua Audit Negara

YBhg. Tan Sri Ketua Audit Negara memulakan ucapan beliau dengan mengalukan kehadiran warga Jabatan ke Persidangan Juruaudit Sektor Awam 2015.

Beliau seterusnya menyatakan hasrat agar pada persidangan-persidangan yang akan datang, lebih banyak topik dan kertas kerja akan dibentangkan oleh warga Jabatan sendiri. Menurutnya, persidangan ini merupakan sesi percambahan fikiran. Beliau berharap pada tahun hadapan, lebih banyak pembentangan kertas dibuat bukan sahaja oleh pegawai kanan, tetapi juga oleh pasukan-pasukan audit bagi berkongsi pengalaman dan *lesson learnt*. Ini adalah penting kerana juruaudit luar dan juruaudit dalam harus bergerak sehati sejiwa untuk meningkatkan prestasi dan akauntabiliti perkhidmatan awam. Kekuatan sedia ada perlu diagihkan dan tindakan perlu diambil untuk membaiki kelemahan yang ada.

YBhg. Tan Sri Hj. Ambrin Buang seterusnya berharap juruaudit dapat memantapkan prestasi masing-masing bagi memenuhi keperluan persekitaran semasa yang kerap berubah sebagai satu keperluan untuk memenuhi tuntutan *stakeholder*. Persidangan Juruaudit ini perlu menjadi platform kepada semua juruaudit meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan mengemaskini ilmu pengauditan mereka. Juruaudit juga diingatkan untuk meningkatkan interaksi dalam Persidangan ini bagi memastikan ianya memberi nilai tambah dan memantapkan pengetahuan masing-masing.

Fokus kedua ucapan YBhg. Tan Sri Ketua Audit Negara ialah penstrukturan semula Jabatan Audit Negara (JAN) yang akan mula dilaksanakan pada 1 Januari 2016. Beliau memaklumkan bahawa Jabatan masih berbincang dengan Jabatan Perkhidmatan Awam bagi melaksanakan penstrukturan tersebut.

Seterusnya, YBhg. Tan Sri Ketua Audit Negara menekankan peranan Unit Audit Dalam (UAD) yang dilihat semakin bertambah penting. Beliau memohon kerjasama semua UAD agar mengemukakan sesalinan laporan penyiasatan kepada beliau sebagai makluman, terutamanya laporan yang berkaitan dengan bidang perolehan.

Diakhir ucapan, beliau mengingatkan warga Jabatan agar sentiasa bekerjasama dalam mengurangkan *fraud*, rasuah dan penyelewengan kuasa. Warga Jabatan perlu bersatu dalam membantu Kerajaan dalam mengubah persepsi rakyat terhadap kakitangan Kerajaan.



### 3.2 Tajuk 1: Pembangunan Petunjuk Prestasi Utama Penjawat Awam

Pembentang :

Pn. Noridah Abdul Rahim

Timbalan Pengarah Kanan

Cawangan Pengurusan Perkhidmatan Gunasama

Bahagian Perkhidmatan

Jabatan Perkhidmatan Awam



Puan Noridah memulakan pembentangan beliau dengan pengenalan terhadap sistem pengurusan prestasi dan *Key Performance Indicators* (KPI). Konsep KPI dalam Perkhidmatan Awam mula diperkenalkan pada tahun 2005 melalui Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 2 Tahun 2005. Secara ringkasnya, KPI bermaksud:

**KEY:** Fokus kepada apa yang dipentingkan oleh pelanggan/ rakyat

**PERFORMANCE:** Penyampaian keberhasilan (outcome) dan impak bukan output semata-mata

**INDICATORS:** Keberhasilan nyata yang boleh dilihat dan dipantau

Objektif pelaksanaan KPI dalam Perkhidmatan Awam adalah untuk:

- a. Memantau pencapaian prestasi pegawai/ organisasi selari dengan bidang tanggungjawab dan keutamaan strategik negara yang berfokuskan kesejahteraan rakyat;
- b. Menjajarkan tanggungjawab pegawai/ organisasi dengan pencapaian hasil terutamanya bagi pelaksanaan sesuatu dasar yang merentasi pelbagai agensi dan memerlukan kerjasama kesemua agensi terlibat; dan
- c. Menjadi medium komunikasi bagi semua warga kerja terhadap kepentingan pencapaian prestasi serta fungsi dan peranan mereka dalam menjayakan pelaksanaan petunjuk prestasi utama dalam sesebuah organisasi.

Secara umumnya, KPI bukanlah satu pilihan tetapi arahan yang perlu dipatuhi oleh penjawat awam. Pelaksanaan KPI mula dilaksanakan dengan memfokus kepada Tier 1 dan mulai tahun 2015, diperkembangkan kepada Tier 2. Pencapaian KPI telah menggantikan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) bagi Tier 1. Terdapat dua (2) fokus utama penetapan KPI iaitu pertama, berasaskan kepada pencapaian umum atau generik dan keduanya, pencapaian spesifik. Semua penetapan KPI hendaklah mematuhi prinsip SMART iaitu *Specific, Measurable, Attainable, Realistic Reliable* dan *Timely*. Penerangan Puan Noridah juga meliputi format dan sistem yang digunakan untuk penilaian dan pelaporan pencapaian KPI. Beliau turut menjelaskan peranan urusetia dalam menyelaras pelaksanaan KPI Jabatan.

Pn. Noridah mengakhiri pembentangan beliau dengan menyatakan bahawa penetapan KPI hendaklah berasaskan kepada keberhasilan (outcome) dan impak daripada perkhidmatan yang disampaikan. Pelaksanaan KPI perlu dikembangkan untuk menggantikan LNPT bagi semua Tier di sesebuah Kementerian/Jabatan Kerajaan.

### 3.3 Tajuk 2: Pembangunan Petunjuk Prestasi Utama, Isu Dan Cabaran

Pembentang :

YBhg. Dato' Muhammad Salim Sundar Abdullah  
Pengarah Bahagian Pemantauan Dan Penyelarasan  
Cawangan Pengurusan Perkhidmatan Gunasama  
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)




YBhg. Dato' Muhammad Salim memfokuskan ceramah beliau kepada isu dan cabaran pelaksanaan KPI di SPRM. Secara umumnya, isu dan cabaran di SPRM boleh dibahagikan kepada dua (2) bahagian iaitu isu dan cabaran semasa pembangunan KPI dan pelaksanaan KPI. Antara cabaran dalam pembangunan dan pelaksanaan KPI ialah:

- penetapan KPI Jabatan diambil ringan atau mudah serta tidak selari dengan sasaran visi dan aspirasi Jabatan
- kurangnya kefahaman semasa pembangunan menyebabkan kesukaran membezakan antara Sasaran Kerja Tahunan dan KPI

- ketiadaan dasar/ polisi yang spesifik
- ketiadaan lantikan pegawai khusus yang bertanggungjawab bagi menguruskan pelaksanaan KPI
- ketiadaan sokongan pengurusan atasan
- serta sikap ahli pasukan sendiri yang sambil lewa dan tidak berkongsi fakta atau maklumat.

YBhg. Dato' Muhammad Salim juga menjelaskan rahsia kejayaan KPI ialah *Communicate, Penetrate dan Mobilise* (CPM) yang mana perlunya komunikasi yang baik dengan takrifan dan penjelasan yang tepat kepada semua yang terlibat. Turut diterangkan adalah strategi pencapaian KPI iaitu merakyatkan SPRM yang meliputi antaranya pengurusan kes berprofil tinggi dan berkepentingan awam yang efektif dan keterlibatan sektor swasta yang efektif. Beberapa contoh penetapan dan pengukuran KPI juga turut diperjelaskan dalam pembentangan beliau. Beliau turut menerangkan proses pemantauan dan pelaporan KPI di SPRM.

YBhg. Dato' Muhammad Salim merumuskan pembentangan beliau dengan menekankan prasyarat bagi kejayaan sesebuah perubahan. Perubahan yang dilaksanakan hanya akan berjaya sekiranya wujud empat elemen seperti yang ditunjukkan dalam diagram di bawah.



### 3.4 Tajuk 3: Pelaksanaan eAudit

Pembentang :

Tn. Hj. Y Hamdan Mohd Dom

Timbalan Pengarah

Sektor Audit Khas Dan Penyelidikan



Dalam pembentangan pertama pada hari kedua Persidangan, juruaudit telah didedahkan dengan inovasi Jabatan iaitu Pelaksanaan e-Audit oleh Tn. Haji Y Hamdan Mohd Dom, Timbalan Pengarah Bahagian ICT. Beliau memulakan pembentangan beliau dengan kronologi pencetusan idea berhubung pelaksanaan eAudit di Jabatan Audit Negara (JAN). Fokus eAudit adalah pengauditan Penyata Kewangan yang merangkumi tiga (3) proses iaitu perancangan, pelaksanaan dan pelaporan. Fasa seterusnya bagi eAudit adalah terhadap pengauditan prestasi selepas penyata kewangan. Sistem e-Audit ini dapat menjimatkan penggunaan kertas dan ruang simpanan fail audit serta memastikan pengauditan dilaksanakan dengan lebih teratur dan sistematik sebagai langkah membantu mencapai sasaran ISSAI peringkat empat (4).

Juruaudit juga turut diperjelaskan ciri-ciri sistem yang antaranya melibatkan elemen notification (peringatan) berkaitan tarikh akhir (dateline) dan aplikasi persekitaran teknologi *big data* dan *data analytics*, fungsi rujuk silang serta *drill-down* dan *review notes*. Tuan Hj. Y Hamdan juga menerangkan komponen-komponen dalam sistem tersebut, carta perbatuan projek serta faedah-faedah daripada projek ini. Beliau juga membuat perbandingan dengan eAudit yang dilaksanakan oleh SAI China dan SAI Indonesia.

Dalam sesi soal jawab, YBhg. Dato' Che Isa telah memberikan pandangan bahawa dari segi penyimpanan maklumat secara *e-working paper*, pertimbangan perlu diberikan dari sudut perundangan sekiranya melibatkan kes mahkamah yang memerlukan bukti Audit secara fizikal. Penceramah berpendapat dalam kes sebegini, kutipan data kewangan perlu dilaksanakan secara berhati-hati dan bergantung kepada justifikasi juruaudit bagi menentukan sama ada penyimpanan bukti secara fizikal diperlukan. Tambah beliau, pihaknya akan cuba mendapatkan pandangan daripada *Subject Matter Expert* (SME) berkaitan dokumen berkaitan



yang perlu disimpan secara fizikal dan yang mana dibolehkan secara *e-working paper*.

Encik Roslan telah memberikan pandangan beliau bahawa, pasukan *e-working paper* juga perlu turut mempertimbangkan tentang masalah *downloading* data di mana data perlu dimuat turun dari pejabat auditi masing-masing. Contoh yang boleh diikuti adalah seperti yang diamalkan oleh BPK. Data-data akan dimuat naik dalam bank data dan proses *mining* akan dilakukan hanya dari bank data tersebut. Selain itu, Encik Roslan juga turut mencadangkan bahawa *e-working paper* juga turut memberi pertimbangan terhadap aspek pelaporan Laporan Ketua Audit Negara.

### 3.5 Tajuk 4: Program Pembelajaran ISSAIs Secara Elektronik

Pembentang :

Dr. Masiah Ahmad

Timbalan Pengarah

Sektor Audit Khas Dan Penyelidikan



Dr.Masiah memulakan pembentangan beliau dengan menjelaskan bahawa program pembelajaran ISSAIs secara elektronik masih dalam peringkat *pilot study* dan pembentangan adalah bertujuan untuk memberi pendedahan dan *awareness* kepada Juruaudit berhubung kaedah latihan yang akan diwujudkan.

Di bawah program pembangunan kapasiti INTOSAI Development Initiative (IDI) terdapat lapan (8) program diperkenalkan iaitu SAI *Fighting Corruption*; SAI *engaging with stakeholders*; *Auditing Sustainable Development Growth*; Implimentasi ISSAI fasa kedua; Strategi, Pengurusan Prestasi & Laporan; Kebebasan SAI; Pemimpin Muda SAI; dan *Enhance elearning capacity*.

E-Pembelajaran merupakan kaedah latihan terkini yang dapat menjimatkan kos latihan Jabatan bagi memastikan sasaran ISSAI dapat dilaksanakan. Turut dijelaskan e-Pembelajaran ini merangkumi lima (5) fasa iaitu analisis, mereka bentuk, pembangunan, penyampaian dan, pemantauan serta penilaian. Fasa analisis adalah peringkat analisis keperluan latihan yang diperlukan. Fasa pembangunan pula memerlukan kepakaran Teknologi Maklumat (IT) bagi mereka bentuk bahan e-Pembelajaran. Fasa penyampaian pula menjelaskan tiga (3) kaedah iaitu *virtual classroom*, *facilitated elearning* LED dan *lerner led learning*. Fasa

pemantauan pula memerlukan laporan kelemahan dikaji dan cadangan penambahbaikan untuk mengatasi kelemahan sedia ada.

Dalam sesi soal jawab, Encik Roslan memberikan pandangan bahawa pembelajaran secara *e-learning* merupakan satu kaedah yang kos efektif dan menjimatkan. Beliau mencadangkan bahawa JAN perlu berusaha meminimalkan kos dan masa bagi fasa merancang, mereka bentuk dan implimentasi projek e-learning seperti mana yang dilakukan oleh SAI Indonesia. Ini bertujuan mendedahkan juruaudit JAN dengan perkongsian ilmu dan kepakaran daripada SAI-SAI negara lain dalam memperoleh kepakaran pengauditan.

### Gambar Sekitar Pembentangan Kertas “Program Pembelajaran ISSAIs Secara Elektronik”



### 3.6 Tajuk 5: Reviu Kertas Kerja Firma Audit Swasta

Pembentang :

En Lim Chin Teong

Timbalan Pengarah

Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan



Di dalam pembentangan beliau, En. Lim menerangkan bahawa Firma Audit Swasta (FAS) telah dilantik dan diberi kuasa oleh Ketua Audit Negara (KAN) untuk menjalankan pengauditan penyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan. Penswastaan kerja audit tidak melepaskan tanggungjawab KAN seperti yang termaktub dalam Akta Audit. KAN tetap bertanggungjawab terhadap pengauditan yang dijalankan oleh FAS. Dengan itu, reviu kertas kerja adalah salah satu proses yang perlu dijalankan bagi memastikan Firma Audit Swasta telah mengumpul bukti audit yang mencukupi bagi tujuan pendapat Audit.

FAS perlu melaksanakan beberapa perkara di peringkat perancangan antaranya melaksanakan proses penilaian risiko dari aspek penentuan materialiti, kenal pasti strategi audit serta memahami persekitaran auditi. Peringkat kedua ialah melaksanakan ujian atau *testing* terhadap kawalan yang dikenal pasti di organisasi dan peringkat akhir iaitu peringkat *completion* hendaklah dilaksanakan seperti yang ditetapkan.

Turut diperjelaskan ialah proses pengauditan oleh FAS, tempoh audit dan dokumen yang perlu dikemukakan kepada JAN setelah selesai pengauditan. Antara dokumen yang perlu dikemukakan FAS ialah fail kertas kerja semasa, fail tetap yang dikemas kini, salinan surat pengurusan serta laporan terperinci yang meliputi beberapa perkara iaitu perubahan material dalam persembahan penyata kewangan, polisi perakaunan, percanggahan piawaian perakaunan serta pelanggaran/penyimpangan undang-undang, peraturan kewangan, arahan/pekeliling Kerajaan. Beliau turut menjelaskan proses dan prosedur reviu yang terdapat dalam senarai semak dan membincangkan isu-isu yang dikenal pasti dalam proses reviu kertas kerja FAS.

Dalam sesi soal jawab, Encik Roslan bertanyakan tentang tanggungjawab juruaudit dalam mengesan fraud yang mungkin berlaku dalam agensi yang diaudit oleh FAS. Menurut Encik Lim dari segi *fraud engagement* FAS dengan pihak yang

bertanggungjawab terhadap tadbir urus syarikat FAS telah melaksanakan penilaian risiko berdasarkan senarai semak yang disediakan, manakala JAN akan berkomunikasi dengan *Audit Committe* untuk bertanyakan perkara berkaitan sama ada jawatankuasa tersebut menyedari sama ada berlakunya fraud/penipuan dan sama ada kawalan dalaman yang mencukupi telah dilakukan. Segala kenyataan yang dibuat oleh *Audit Committee* akan diminitkan bagi pengesahan.

### Gambar Sekitar Ceramah Bertajuk “Reviu Kertas Kerja Firma Audit Swasta”





### 3.7 Tajuk 6: Standard Pengauditan Juruaudit Dalaman

Pembentang : En. Mohd Khaidzir Shahari

Naib Presiden

Institut Juruaudit Dalamam Malaysia (IIAM)



Seterusnya, Encik Mohd Khaidzir Shahari dari Institut Juruaudit Dalamam Malaysia (IIAM) telah menyampaikan ceramahnya bertajuk “Standard Juruaudit Dalaman”. Pelaksanaan rangka kerja amalan Profesional Antarabangsa atau *International Professional Practices Framework (IPPF)* diperkenalkan bagi memastikan Juruaudit Dalaman menjalankan aktiviti pengauditan dengan standard yang sama. Pengenalan standard meliputi visi, misi, kod etika serta panduan pelaksanaan dan bimbingan tambahan dapat meningkatkan akauntabiliti serta pertimbangan profesional Juruaudit dalam laporan yang disediakan.

Juruaudit Dalaman diperlukan oleh organisasi bagi memberi keyakinan dari aspek kawalan dalaman, tahap risiko dan tadbir urus. Menyedari kepentingan fungsi juruaudit dalaman, Bursa Malaysia contohnya telah menetapkan peraturan bahawa syarikat tersenarai hendaklah mempunyai unit audit dalaman yang sekurang-kurangnya terdiri daripada 3 orang juruaudit dalaman bertanggungjawab melapor kepada *Audit Committee*. Terkini, IPPF ditambah nilai dengan mengandungi mengandungi dua (2) jenis panduan iaitu mandatori dan cadangan panduan. Keperluan mandatori meliputi keperluan kepada praktis profesional dalam pengauditan dalaman, juga keperluan menilai prestasi organisasi yang dikatakan efektif. Keseluruhannya standard juruaudit dalaman terbahagi kepada dua (2)

bahagian utama iaitu *attribute standards* dan *performance standards*. Seterusnya penceramah menekankan tentang keperluan audit dalaman disemak oleh proses *peer review* sekurang-kurangnya sekali setahun dan juga hendaklah dinilai oleh juruaudit luaran.

Dalam sesi soal jawab Encik Ungku Mohamad Alhady telah membincangkan peranan juruaudit dalaman dalam UAD di sesebuah Kementerian/Agensi Kerajaan yang perlu bersifat *independence*. Bagaimanapun ia dilihat perlu melaporkan pengauditan yang dijalankan kepada Ketua Setiausaha/Ketua Eksekutif yang bukanlah bersifat *check and balance* kepada organisasi tersebut. Begitu juga dari sudut penilaian prestasi kepada juruaudit dalaman ia dilakukan oleh kumpulan yang sama. Penceramah memohon kepada para hadirin untuk menjawab persoalan sama ada dalam sistem Kerajaan terdapat pihak yang bersifat *check and balance* contohnya sistem Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) yang boleh melaksanakan tugasnya secara bebas tanpa dipengaruhi mana-mana pihak.

Puan Marlia seterusnya bertanyakan sama ada bagi juruaudit dalaman yang berkhidmat dengan sektor Kerajaan yang merupakan ahli IIAM, secara praktiknya tidak mempunyai standard yang seragam dengan Kementerian lain dan kadang kala menggunakan standard tersendiri sama ada mereka akan diambil tindakan disiplin oleh IIAM. Puan Wee juga telah bertanyakan peranan juruaudit dalaman Kerajaan yang turut terlibat dengan perkara *consulting* dalam sesuatu mesyuarat yang boleh menjejaskan prinsip kebebasan. Ini menyebabkan kadang kala juruaudit dipersalahkan atas sesuatu kelemahan yang berlaku. Penceramah menjelaskan bahawa dalam standard IPPF telah menggariskan secara jelas tentang standard pengauditan bagi juruaudit dalaman untuk aspek *assurance* dan *consulting*. Penceramah berpendapat setiap juruaudit dalaman perlu jelas dengan terma rujukan dalam perjanjian yang dicapai serta peranan dan tanggungjawab sebagai juruaudit dalaman. Sekiranya juruaudit dalaman terlibat dalam proses pembuatan keputusan Kementerian/Agensi maka prinsip kebebasan telah diingkari.





### 3.8 Kecemerlangan Kepimpinan Nilai & Etika Dalam Tugas

Penceramah : En. Shukri Ibrahim

Konsultan Pengurusan Latihan



Pada sesi petang hari kedua Persidangan, Juruaudit dapat meningkatkan pengetahuan dengan idea-idea daripada penceramah elit iaitu Encik Shukri Ibrahim dengan tajuk “Kecemerlangan Kepimpinan Nilai Dan Etika Dalam Tugas”. Nilai dan etika yang disampaikan dapat memantapkan integriti dan fokus juruaudit semasa melaksanakan aktiviti pengauditan bagi memastikan penambahbaikan dapat diwujudkan. Beliau memulakan ceramahnya dengan memaklumkan bahawa objektif tajuk adalah supaya setiap Juruaudit mampu mencapai kecemerlangan dalam prestasi sehingga mencapai ‘peak performance’ dengan berpegang kepada nilai-nilai terpuji dan beretika dalam kepimpinan. Seterusnya beliau telah mempertontonkan video klip *Invictus* yang mempertontonkan ciri-ciri seorang pemimpin yang boleh dicontohi.

Seterusnya Encik Shukri telah menggariskan beberapa perkara penting yang perlu difikirkan antaranya bagaimana seseorang dapat memberikan inspirasi kepada pasukannya; bagaimana membuat seseorang berfikir bahawa mereka adalah terbaik daripada apa yang mereka fikirkan; dan bagaimana setiap individu memberikan inspirasi terhadap diri sendiri untuk berjaya. Seterusnya beliau mengupas tentang maksud cemerlang dan bagaimana mencapai kecemerlangan yang berkualiti. Menurut Encik Shukri apabila seseorang berada dalam tekanan, nilai-nilai positif dan etika yang positif perlu dipupuk ke tahap yang optimum. Peserta perlu mempunyai

tiga (3) elemen utama untuk berjaya sebagai pemimpin iaitu “AIB” – Agama, Integriti dan Berani.

### Gambar Pada Sesi Ceramah Kecemerlangan Kepimpinan Nilai & Etika Dalam Tugas



### 3.9 Penutup Dan Rumusan Oleh Timbalan Ketua Audit Negara (Negeri)

YBhg. Dato' Mustafa Hj. Saman melahirkan penghargaannya dan berterima kasih kepada hadirin kerana menjayakan program-program di sepanjang Hari Audit 1Malaysia dan Persidangan Juruaudit. Menurut beliau, segala program yang dirancang telah berjalan lancar dan baik seperti mana yang diharapkan oleh YBhg. Tan Sri Ketua Audit Negara. Salah satu objektif ialah untuk merapatkan hubungan ukhawah dan perkara ini telah terbukti melalui program kemasyarakatan bersama penduduk Orang Asli di Kg. Bawong, Sg. Siput Perak. Bagaimanapun menurut YBhg. Dato' Mustafa, kehadiran peserta pada majlis penutup ini agak berkurangan iaitu dengan kehadiran di sekitar 270 orang berbanding 450 orang pada awal majlis dianjurkan. Ini adalah kerana beberapa sebab antaranya adanya persidangan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam dan Majlis Anugerah Sijil Kecemerlangan Indeks Akauntabiliti peringkat Persekutuan.

Beberapa rumusan dicapai dalam Persidangan seperti berikut:

- i. Juruaudit hendaklah memantapkan prestasi masing-masing bagi memenuhi keperluan persekitaran semasa yang kerap berubah sebagai satu keperluan untuk memenuhi tuntutan *Stakeholder*. Persidangan Juruaudit yang diadakan ini perlu menjadi platform kepada semua Juruaudit meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan mengemaskini ilmu pengauditan mereka. Juruaudit juga diingatkan perlu meningkatkan interaksi melalui Persidangan yang diadakan



setiap tahun bagi memastikan ianya memberi nilai tambah dan memantapkan pengetahuan Juruaudit.

- ii. Jabatan Audit Negara sedang melaksanakan perubahan dari segi penstrukturan yang signifikan untuk melaksanakan *sucession plan* Jabatan yang akan mula dilaksanakan pada 1 Januari 2016. Lantaran itu, semua pihak hendaklah bersatu dan bersama menyokong ke arah kejayaan pelaksanaannya.
- iii. Peranan Unit Audit Dalam (UAD) telah menjadi bertambah penting dan perlu diperkasa kerana bukan hanya melapor kepada Ketua Setiausaha atau Ketua Agensi tetapi juga boleh melapor kepada Menteri. UAD hendaklah mengemukakan sesalinan laporan Audit kepada Ketua Audit Negara sebagai makluman. UAD juga perlu memfokus kajian dan siasatan yang dilakukan kepada Perolehan Kementerian atau Agensi iaitu pada kadar 40% daripada keseluruhan tajuk yang diaudit.
- iv. Dalam Sesi Pertama Persidangan melalui Ceramah-**Pembangunan Petunjuk Prestasi Utama Penjawat Awam**, beberapa perkara dan perhatian hendaklah dipertimbangkan. Jabatan hendaklah memastikan kriteria yang diterima pakai dalam pembangunan KPI hendaklah berasaskan kepada pencapaian umum/generik dan pencapaian spesifik. Selain itu perkara-perkara berikut perlu turut diambil kira dalam pembangunan KPI Jabatan:
  - mematuhi prinsip SMART iaitu *Specific, Measurable, Attainable, Realistic Reliable* dan *Timely*.
  - KPI hendaklah berasaskan kepada impak dan bukannya kepada output dan kuantiti
  - Pengukuran hendaklah berdasarkan kecekapan atau produktiviti meliputi pengurangan kos, keberkesanan perkhidmatan dan dapat memberikan kepuasan kepada pelanggan. Manakala output yang dihasilkan hendaklah berdasarkan kualiti meliputi ketepatan, kecekapan, *timeliness* dan mutu
  - KPI yang ditetapkan hendaklah dicapai melalui perundingan bersama dengan bahagian-bahagian utama dan *stakeholder*.



- Penjajaran hendaklah dilakukan dengan halatuju nasional/ dasar/ pelan/ wawasan sama ada di peringkat nasional/ kementerian/ jabatan/ negeri masing-masing.
- v. Dalam Sesi Kedua Persidangan melalui Ceramah-**Pembangunan Petunjuk Prestasi Utama: Isu Dan Cabaran** beberapa perkara hendaklah diberi perhatian utama oleh Jabatan antaranya:
- KPI yang ditetapkan hendaklah bukan sekadar untuk dicapai tetapi cuba melebihi daripada sasaran yang ditetapkan
  - Jabatan hendaklah jelas dengan visi, misi dan inspirasi yang ditetapkan
  - Jabatan perlu mempunyai pegawai khusus yang bertanggungjawab sepenuhnya pelaksanaan KPI serta melakukan pemantauan secara berkala
  - Kejayaan pelaksanaan KPI perlu bersandarkan prinsip *Communicate*, *Penetrate* dan *Mobilise* (CPM) iaitu dengan adanya komunikasi yang baik dengan takrifan dan penjelasan yang tepat kepada semua pihak yang terlibat.
  - Jabatan hendaklah mengambil kira aspek kos yang rendah tetapi dalam masa yang sama mampu mencapai impak yang tinggi dalam pembangunan KPInya
  - Beberapa masalah dan perkara yang tidak jelas hendaklah diselesaikan seperti tidak mempunyai sasaran yang jelas, pengukuran tidak tepat, pertukaran KPI semasa implimentasi dan KPI yang tidak sama antara pegawai
  - Strategi efektif hendaklah dirancang dan dilaksanakan secara cekap dan efisien dalam usaha mencapai KPI yang selari dengan visi dan aspirasi Jabatan antaranya mengadakan *engagement* dengan pihak berkepentingan, pengurusan isu-isu yang dibangkitkan secara cekap dan berkesan serta mengambil kira pandangan masyarakat
- vi. Pada hari kedua Persidangan melalui pembentangan kertas pertama bertajuk **Pelaksanaan eAudit** beberapa pandangan terhadap pelaksanaan kertas kerja elektronik telah diberikan seperti berikut:
- Juruaudit digalakkan menggunakan prototaip serta memuat turun template yang disediakan dalam usaha membiasakan penggunaan kertas kerja elektronik dan menjalankan analisis data memandangkan ia akan mula dilaksanakan pada tahun 2016.



- Pada peringkat permulaan, kertas kerja elektronik ini digunakan dalam pengauditan penyata kewangan kerajaan persekutuan dan fasa seterusnya akan diteruskan dengan pengauditan prestasi
  - eAudit berupaya menyediakan suatu aplikasi persekitaran yang berasaskan teknologi *big data* dan *data analytics* sesuai dengan perkembangan semasa
  - Sistem kertas kerja elektronik juga adalah fleksibel ke arah pengauditan perakaunan akruan bagi akaun Kerajaan Persekutuan dan Negeri
  - Pelaksanaan kertas kerja secara elektronik dapat menjimatkan masa pengauditan dan boleh dicapai pada bila-bila masa oleh pegawai-pegawai berkaitan
  - Ciri-ciri kertas kerja elektronik banyak memberi kebaikan dan faedah kepada juruaudit antaranya dapat mengetahui status kemajuan kerja, keupayaan memberi notifikasi kepada penyemak, bertindak sebagai pengimbas kertas kerja dan terus disalurkan kepada pusat penyimpanan maklumat serta sistem yang dapat berintegrasi antara satu sama lain dalam persekitaran *network*.
  - Juruaudit hendaklah menggunakan pertimbangan dan justifikasi mereka berdasarkan pengalaman yang dimiliki untuk menyimpan bukti Audit secara dokumentasi fizikal sekiranya terdapat keperluan kukuh terutamanya bagi kes berkaitan perbicaraan di mahkamah
  - Pihak Jabatan hendaklah mengeluarkan panduan kepada Juruaudit tentang jenis-jenis kertas kerja yang perlu disimpan secara fizikal
- vii. Melalui pembentangan kertas kedua bertajuk **Program Pembelajaran ISSAIs Secara Elektronik** beberapa perancangan dan strategi sedang dan akan diambil seperti berikut:
- Bagi memastikan proses e-pembelajaran dilaksanakan dengan lancar, pihak Jabatan perlu lebih banyak mewujudkan *networking* sama ada dengan INTOSAI dan SAI lain bagi mendapatkan maklumat dan nasihat berhubung pelaksanaannya
  - E-pembelajaran yang dicadangkan boleh dilaksanakan melalui dua (2) kaedah iaitu melalui *self-study learning* dan *facilitated* (iaitu gabungan pembelajaran sendiri digabung dengan interaksi maya dengan mentor atau *instructor*).



- Fasa-fasa yang terlibat dengan e-pembelajaran merangkumi lima (5) fasa iaitu analisis, mereka bentuk, pembangunan, penyampaian dan penilaian.
- Dalam fasa analisis, pihak Jabatan hendaklah mengenal pasti beberapa analisis keperluan iaitu keperluan latihan yang diperlukan; membuat hubungan kait dengan sasaran dan keperluan kebanyakan institusi audit antarabangsa (SAI); pelaporan kepada pengurusan tertinggi Jabatan; membuat analisis tugas utama pengauditan; mengenal pasti kemahiran yang dimiliki juruaudit dan seterusnya membuat perancangan strategi penilaian.
- Dalam fasa reka bentuk, Jabatan hendaklah mereka bentuk pelan-pelan kursus yang ingin dirancang, membangunkan modul latihan, menetapkan objektif e-pembelajaran, mengenal pasti *teaching points* serta kaedah pengajaran dan juga membangunkan strategi penilaian terhadap program yang dilaksanakan
- Jabatan Audit Negara bersama-sama institusi audit peringkat ASEANSAI telah dan sedang melaksanakan beberapa projek e-pembelajaran untuk tempoh 2015 hingga 2017 seperti:
  - *Design meeting* di Cambodia pada Jun 2015
  - Kursus epembelajaran dalam bidang *Risk-Based Approach*
  - Pembangunan Pelan Perancangan Audit secara *on-line*
  - Mesyuarat Perancangan Audit di Vietnam pada Oktober 2015
  - Pelaksanaan pilot Audit pada Oktober 2015 hingga Mac 2016
  - Mesyuarat Penilaian Semula pada minggu kedua Mei 2016

viii. Pembentangan kertas ketiga iaitu **Reviu Kertas Kerja Firma Audit Swasta** telah memberikan beberapa cadangan kepada juruaudit seperti berikut:

- Firma Audit Swasta (FAS) hendaklah memulakan kerja-kerja pengauditan sebaik sahaja penyata kewangan agensi yang lengkap diterima. Tempoh pengauditan hendaklah berdasarkan norma berikut:

Saiz kecil – 1 bulan

Saiz sederhana – 2 bulan

Saiz besar – 3 bulan

- Kelulusan daripada Jabatan Audit Negara perlu diperolehi FAS sekiranya tidak dapat dapat disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan





- Juruaudit hendaklah mematuhi prosedur reviu seperti yang dikeluarkan oleh Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan ketika melaksanakan proses semakan kertas kerja FAS
  - Juruaudit hendaklah memberi perhatian terhadap isu-isu yang dibentangkan semasa membuat semakan terhadap kertas kerja FAS seperti:
    - Agensi yang diaudit membuat perubahan atau pindaan tanpa memaklumkan kepada FAS
    - Perbincangan tidak diadakan antara FAS dengan agensi diaudit
    - Isu yang signifikan dan material tidak dibangkitkan dalam laporan FAS
    - Manfaat pekerja tidak diambil kira dalam penyata kewangan agensi
    - Perbezaan dengan pengesahan pihak ketiga dengan penyata kewangan tidak dibangkitkan
    - Peruntukan cukai tidak dinyatakan dalam penyata kewangan
    - Susut nilai diperuntukkan walaupun status tanah adalah bebas
    - Perkiraan untung rugi tidak dibuat bagi pelupusan aset
- ix. Beberapa ketetapan dicapai semasa ceramah mengenai Standard Pengauditan Juruaudit Dalam disampaikan khususnya kepada juruaudit dalaman seperti berikut:
- Juruaudit dalam hendaklah merujuk Kerangka *International Profesional Practices* (IPPF) yang mengandungi dua (2) jenis panduan utama iaitu panduan mandatori untuk dipatuhi dan Panduan Cadangan
  - Keperluan untuk mempunyai pihak yang bertindak sebagai *check and balance* dan tidak dipengaruhi mana-mana pihak dalam memastikan kebebasan juruaudit dalam menjalankan pengauditan dan memberikan pendapat Audit
  - Juruaudit dalaman hendaklah berperanan sebagai *catalyst*, *analyst* dan *assessment* dalam memastikan kawalan dalaman dan tadbir urus pihak yang diaudit dalam keadaan baik
  - Juruaudit dalaman perlu berintegriti, kompeten dan berhati-hati dalam melaksanakan tanggungjawabnya, objektif serta bebas daripada dipengaruhi oleh mana-mana pihak, juga peka dengan strategi, objektif dan risiko yang terdapat dalam organisasi yang diaudit



- Juruaudit dalaman hendaklah memahami serta jelas dengan terma-terma perjanjian yang terkandung dalam perjanjian yang dimeterai dengan majikan supaya tidak terlibat dalam perkara-perkara yang menghalang kebebasannya sebagai juruaudit
  
- x. Pada sesi ceramah terakhir bertajuk **Kecemerlangan Kepimpinan Nilai & Etika Dalam Tugas** telah memberikan inspirasi kepada juruaudit untuk memantapkan integriti dan fokus semasa melaksanakan tanggungjawab pengauditan. Juruaudit adalah cemerlang sekiranya berpegang kepada nilai-nilai tertentu dan beretika dalam pimpinannya. Di samping itu, juruaudit perlu tahu membezakan batas-batas bidang kuasanya sekiranya berlaku perbezaan pendapat dengan ketuanya.

Pada sesi penutup, YBhg. Timbalan Ketua Audit Negara (Negeri) mendoakan agar semua peserta akan pulang dengan selamat dan berterima kasih sekali lagi kepada semua yang hadir.

### 3.10 Maklum Balas Penilaian Persidangan Juruaudit Sektor Awam Tahun 2015

Borang Penilaian Persidangan Juruaudit Sektor Awam 2015 telah diedarkan semasa Persidangan berlangsung dari 30 November hingga 1 Disember 2015. Seramai 252 orang peserta telah memberikan maklum balas mereka pada hari pertama dan kedua persidangan. Penilaian yang diberikan adalah terhadap kualiti isi kandungan kertas yang dibentangkan dan juga kualiti penyampaian pembentang/penceramah. Skor markah yang diberikan adalah berdasarkan skala 1 hingga 4 seperti berikut:

**1-Tidak Memuaskan      2-Memuaskan      3-Baik      4-Sangat Baik**

Penilaian statistik adalah berdasarkan skor purata dan frekuensi (kekerapan) yang telah diberikan oleh para peserta persidangan terhadap slot persembahan yang telah disampaikan oleh pembentang/penceramah. Penilaian tersebut juga mengalukan sebarang komen dan cadangan penambahbaikan yang boleh dibuat untuk memantapkan lagi mutu persidangan pada masa hadapan.

### Penilaian Keseluruhan Persidangan Juruaudit Sektor Awam Tahun 2015

Penilaian keseluruhan persidangan yang diberikan oleh peserta adalah berdasarkan nilai markah purata ialah 3.09



## Penilaian Isi Kandungan Kertas Penceramah dan Kualiti Penyampaian Penceramah

Berikut adalah hasil penilaian yang telah diberikan oleh para peserta persidangan terhadap isi kandungan kertas pembentangan dan kualiti penyampaian penceramah untuk setiap sesi sepanjang berlangsungnya Persidangan Juruaudit Sektor Awam Tahun 2015

Penceramah	Purata Markah		Kekerapan Penilaian			
			Isi kandungan		Kualiti penyampaian	
	Isi kandungan	Kualiti penyampaian	Skor	Bil kekerapan	Skor	Bil kekerapan
<b>30 November 2015 – Hari pertama</b>						
Tajuk 1: Pembangunan Petunjuk Prestasi Utama Penjawat Awam  Pn Noridah Abdul Rahim - JPA	2.76	2.60	1	1	1	6
			2	87	2	110
			3	134	3	74
			4	29	4	3
Tajuk 2: Pembangunan Petunjuk Prestasi Utama: Isu dan Cabaran  YBhg. Dato' Muhammad Salim Sundar Abdullah – SPRM	3.25	3.34	1	-	1	-
			2	14	2	14
			3	160	3	138
			4	77	4	99
<b>1 Disember 2015 – Hari kedua</b>						
Tajuk 3: Pelaksanaan eAudit  Tn. Hj. Y Hamdan Mohd Dom – JAN	3.28	3.18	1	-	1	-
			2	14	2	20
			3	152	3	164
			4	83	4	65
Tajuk 4: Program Pembelajaran ISSAIs Secara Elektronik  Dr. Masiah Ahmad – JAN	3.21	3.14	1	1	1	-
			2	17	2	28
			3	162	3	159
			4	69	4	62
Tajuk 5: Reviu Kertas Kerja	3.25	3.15	1	-	1	-



Penceramah	Purata Markah		Kekerapan Penilaian			
			Isi kandungan		Kualiti penyampaian	
	Isi kandungan	Kualiti penyampaian	Skor	Bil kekerapan	Skor	Bil kekerapan
Firma Audit Swasta En. Lim Chin Teong - JAN			2	18	2	23
			3	149	3	164
			4	79	4	59
Tajuk 6: Standard Pengauditan Juruaudit Dalam En. Mohd Khaidzir Shahari – IIAM	3.52	3.53	1	-	1	-
			2	7	2	6
			3	104	3	102
			4	135	4	137
Tajuk 7 : Kecemerlangan Kepimpinan Nilai & Etika Dalam Tugas En. Shukri Ibrahim – Shukri Consultancy	3.08	3.06	1	4	1	4
			2	33	2	35
			3	127	3	129
			4	60	4	56

## Cadangan Dan Ulasan Peserta

### 1. Tajuk

65% peserta mengulas tentang tajuk pembentangan yang dianggap kurang menarik dan tidak relevan. Terdapat juga ulasan yang berpendapat tajuk pada hari pertama tidak sesuai kepada semua tahap peserta yang menghadiri persidangan. Peserta mencadangkan tajuk yang lebih mencabar dan dapat membangkitkan motivasi Juruaudit dalam menjalankan tugas. Contoh ulasan berhubung tajuk ialah:

- Isi kandungan ceramah telah ada dalam Garis Panduan
- Tajuk perlu fokus kepada isu yang lebih mencabar

### 2. Penceramah

Terdapat peserta yang mengulas tentang penceramah yang kurang menarik kerana tidak dapat menarik minat peserta untuk mendengar isi kandungan yang ingin disampaikan.



#### 4.0 KURSUS BERKALA BESAR

Kursus Berkala Besar telah diadakan pada hari Sabtu, 28 November 2015 di Dewan Konvesyen Aman Jaya, Casuarina@Meru bermula jam 8.30 malam. Ceramah bertajuk “Siapa Kita Adalah Hasil Daripada Sikap Kita” disampaikan oleh YBrs. Prof. Dr. Yahya Bin Mat Som dari SHPi Consultant Group Sdn. Bhd. Penceramah telah menyampaikan beberapa intipati seperti berikut:

- Peserta perlu memaksimakan potensi diri dengan menggembelng sepenuhnya keupayaan diri dan intelektual bagi mencapai kejayaan dalam kerjaya dan demi Jabatan.
- Negara seperti Singapura, Jepun dan Taiwan mampu menjadi Negara maju walaupun tidak mempunyai sumber asli di dalam Negara mereka. Rakyat Malaysia seharusnya bersyukur kerana bumi Malaysia kaya dengan hasil bumi dan sumber semulajadi. Rakyat perlu memanfaatkannya, antaranya dengan meningkatkan potensi diri bagi mencapai kejayaan.
- Seseorang individu yang mempunyai wawasan diri tidak perlu memikirkan apa yang orang lain akan bercakap tentang dirinya. Sebaliknya perlu melangkah jauh ke hadapan dan mempertimbangkan apakah legasi yang akan ditinggalkan kepada Jabatan atau majikannya demi manfaat semua.
- Setiap warga Jabatan perlu menghasilkan output melalui prestasi berimpak tinggi, seiring dengan visi dan misi Jabatan serta mencapai objektif yang ditetapkan. Beberapa kisah dan tauladan seperti kisah sebilah kapak, SiBaldi Tiris dan SiKatak Rebus telah dikongsi oleh penceramah bertujuan meningkat motivasi peserta dalam mencapai potensi diri dan menuju kejayaan.
- Peserta perlu kreatif bagi merebut peluang dalam meningkatkan kejayaan dalam kerjaya dan gigih dalam melakukan sesuatu tugas yang diberi. Setiap individu mempunyai potensi masing-masing dan perlu melihat sesuatu perkara dari sudut perspektif berbeza.
- Sasaran untuk meningkatkan produktiviti diri, proses dan penghasilan produk (Laporan Audit) adalah penting untuk diterapkan.
- Usaha perlu ditingkatkan bagi mendapatkan fakta dan bukti audit yang kredibel bagi meningkatkan kualiti kerja pengauditan.
- Sentiasa bersikap positif melalui pemupukan pemikiran, sikap dan pembinaan peribadi yang unggul.
- Peserta perlu beristiqamah dan komited dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab seperti kisah “SiTikus Memanjat Tiang” yang cuba memekakkan pendengarannya bagi mencapai sesuatu kejayaan.



## 5.0 PROGRAM KEMASYARAKATAN

Program Kemasyarakatan telah diadakan di Kg. Bawong, Sungai Siput, Perak pada hari Ahad, 29 November 2015. Objektif program adalah untuk memasyarakatkan perkhidmatan awam amnya dan mengeratkan silaturrahim antara pegawai dan kakitangan Jabatan Audit Negara dengan penduduk setempat khususnya yang terdiri daripada kaum orang asli. Peserta dibahagikan kepada 10 kumpulan dengan tugas/aktiviti seperti berikut:

1. Kumpulan 1: Mengecat Rumah 1
2. Kumpulan 2: Mengecat Rumah 2
3. Kumpulan 3: Mengecat Rumah 3
4. Kumpulan 4: Membersih TABIKA
5. Kumpulan 5: Membersih Masjid
6. Kumpulan 6: Membersih Zon 1
7. Kumpulan 7: Membersih Zon 2
8. Kumpulan 8: Pertandingan Mewarna
9. Kumpulan 9: Memasak
10. Kumpulan 10: Sepak Raga

Program ini dimulakan dengan penyerahan bendera oleh YBhg. Lt. Kol. (K) Datuk Hj. Anwari Bin Suri, Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan) kepada ketua-ketua kumpulan. Semua aktiviti dimulakan sejurus selepas penyerahan bendera. Kesemua tugas telah berjaya disudahkan pada jam 11.00 pagi. Seterusnya peserta dihiburkan oleh masyarakat Orang Asli Kg. Bawong dengan persembahan seperti sewang, nyanyian dan nasyid. Majlis diteruskan dengan ucapan daripada Encik Hassan Bin Ngah Yin iaitu Pengerusi JKKK Pos Chenein, diikuti ucapan aluan YBhg. Tan Sri Hj. Ambrin Bin Buang, Ketua Audit Negara dan seterusnya ucapan oleh Yang Berhormat (YB) Dato' Mohd. Zulkafly Bin Harun, Ahli Dewan Undangan Negeri Lintang.

Majlis diserikan lagi dengan acara penyampaian sumbangan kotak makanan daripada Yayasan Bina Upaya Darul Ridzuan yang disampaikan oleh YB ADUN Lintang. Selanjutnya, Jabatan Audit Negara turut memberi sumbangan berbentuk kain telekung, kain pelikat dan pakaian yang disampaikan oleh Ketua Audit Negara kepada wakil penduduk dan terakhirnya penyampaian cenderahati kepada Ketua Audit Negara daripada Pengerusi JKKK Pos Chenein mewakili penduduk. Seterusnya sesi bergambar dengan wakil penduduk Orang Asli diadakan bagi merakamkan memori aktiviti yang dijalankan.



LAMPIRAN A

GAMBAR-GAMBAR DI SEKITAR ACARA YANG DIADAKAN

i. Sambutan Hari Audit 1Malaysia dan Persidangan Juruaudit Sektor Awam





## ii. Kursus Berskala Besar





### iii. Program Kemasyarakatan





## **KERTAS PEMBENTANGAN**



## Jawatankuasa Pelapor

Dr. Nor Haiza Abd. Aziz @ Juned  
Cik Haniza Mohamad  
Pn. Hema Latha a/p Kumaresan  
En. Azli Ariffin











